

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa
Sent: Thursday, November 8, 2018 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM CSR ANJURAN SOIS, UMW GRANTT DAN MATTEL

8 NOVEMBER 2018 / 30 SAFAR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



SOIS (SCHOOL OF INTERNATIONAL STUDIES)

Synergi antara SOIS UUM, Mattel dan UMW GRANTT Dalam CSR, Bantuan OKU dan Penawaran Kerja dari MATTEL

Program CSR Ziarah Kampung: Kampung Wang Perah 2018

Anjuran Bersama:
SOIS UUM, Mattel (Malaysia) Sdn Bhd dan UMW GRANTT
International Sdn Bhd

Program CSR Ziarah Kampung anjuran bersama SOIS UUM, UMW GRANTT International Sdn Bhd dan Mattel (Malaysia) Sdn Bhd telah berjaya diadakan pada kali ini di Kampung Wang Perah, Mukim Hosba Kubang Pasu Kedah. Ini merupakan program ziarah kampung kali kedua diadakan pada tahun ini yang mana program pertama telah diadakan di Kampung Darat Changlun, Januari 2018. Pada kali ini, 30 Oktober 2018, kita memilih Kampung Wang Perah pula.

Program kali ini lebih mendapat sambutan yang menggalakkan kerana kita Berjaya membawa pihak industri yang sudi memberikan sumbangan dan masa dalam menjayakan program CSR ini. Hasil usaha keras dan perbincangan antara SOIS, Jabatan perniagaan Antarabangsa yang diwakili oleh Prof. Madya Dr. Mohd Haniff Jedin dan Prof. Madya Dr. Nik

Abd Halim Nik Abdullah bersama penduduk kampung Wang Perah yang diketuai oleh En. Azahari Shafie, Penghulu mukim Hosba dan En. Mohd Zaidi Kasa Pengerusi Surau Kampung Wang Perah telah membuahkan hasil.

Program CSR pada kali ini amat bermakna sekali kerana pihak MATTEL telah membuka ruang pekerjaan kepada anak-anak kampung yang tidak mempunyai pekerjaan untuk bekerja di Firma multinasional dari Amerika ini. Ini adalah merupakan pencapaian tertinggi pihak IB SOIS dalam memberikan khidmat masyarakat sambil memberi peluang kepada pihak industri untuk membuat sumbangan kepada golongan B40.

Sementara itu, pihak industri yang sudi bersama-sama dalam memeriahkan program tersebut ialah dari UMW GRANTT International Sdn Bhd, Puan Nor Helynda Ali, Ketua bahagian Jualan dan Pemasaran dan Puan Noridura Ali Badarudin, Pengurus Pemasaran telah sudi memberi sumbangan 20 kemeja T dan beg GRANTT Lubricant beserta barangan keperluan asas kepada penduduk kampung yang dikenalpasti sebagai golongan B40 dan asnaf yang mendapat bantuan kebajikan masyarakat.

Dalam masa yang sama, Syarikat multinasional dari Amerika Syarikat yang beroperasi di Penang iaitu Mattel (Malaysia) Sdn Bhd yang diketuai oleh Puan Dayang Hasimah, Pengurus Bahagian Pengambilan Pekerja juga tidak ketinggalan dalam bersama-sama menyumbangkan sepuluh hamper permainan "Hot Wheels" yang sangat digemari oleh kanak-kanak malah ia merupakan koleksi kenderaan "miniature" yang mewah.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah menziarahi anak-anak kurang upaya (OKU), pemberian barangan keperluan asas kepada 20 orang miskin dan bersama-sama menanti hadiah cabutan bertuah yang telah disumbangkan oleh Mattel dan UMW GRANTT. Dalam masa yang sama, program ini telah dirasmikan oleh En Syafiq Mat Roziki, wakil dari Dato Ir. Amirudin Hamzah, Ahli Parlimen Kubang Pasu dan dibantu oleh wakil Dekan SOIS Dr. Nazariah Osman, Timbalan Dekan SOIS.

Akhir kata, Universiti dan Industri tidak dapat dipisahkan. Terima kasih daun keladi kepada yang semua yang terlibat yang sudi menyumbang masa, tenaga dan wang ringgit dalam menyantun golongan B40.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.